

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA MUDA PERUBATAN DAN SARJANA MUDA PEMBEDAHAN) 2019

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I PERMULAAN

Kaedah	muka surat
1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian	3
2. Tafsiran	3

BAHAGIAN II SYARAT PENERIMAAN MASUK

3. Kemasukan ke Program Pengajian Ijazah	6
4. Kemasukan Pelajar Mobiliti	7

BAHAGIAN III PENDAFTARAN

5. Pendaftaran sebagai Pelajar Program Pengajian Ijazah	7
6. Pendaftaran Kursus	8
7. Pendaftaran Serentak	8
8. Pertukaran Program Pengajian	8

BAHAGIAN IV BAYARAN

9. Yuran dan Bayaran Lain	8
10. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain	8
11. Tempoh Menjelaskan Yuran Pengajian dan Bayaran Lain	8
12. Kegagalan Menjelaskan Yuran Pengajian dan Bayaran Lain	8

BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH

13.	Tempoh Program Pengajian Ijazah	9
14.	Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum Program Pengajian Ijazah	9
15.	Penggantungan Program Pengajian Pelajar	9

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH

16.	Struktur Program Pengajian Ijazah	10
17.	Komponen Program Pengajian Ijazah	10

BAHAGIAN VII
SISTEM MENTOR-MENTEE

18.	Fungsi <i>Mentor</i>	10
-----	----------------------	----

BAHAGIAN VIII
KAEDAH PENILAIAN

19.	Penilaian	11
20.	Jawatankuasa Pemeriksa	11

BAHAGIAN IX
PENGIJAZAHAN

21.	Syarat Pengijazahan	11
-----	---------------------	----

BAHAGIAN X
AM

22.	Penamatan Status Akademik Pelajar	12
23.	Kuasa Senat Membuat Peraturan	12
24.	Pengecualian Pemakaian	12
25.	Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti	12
26.	Pembatalan	13

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA MUDA PERUBATAN DAN SARJANA MUDA PEMBEDAHAN) 2019

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444] Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah berikut:

BAHAGIAN I **PERMULAAN**

1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian

- (1) Kaedah-Kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan) 2019 dan hendaklah berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2019/2020.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Malaya yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan mulai Sesi Kemasukan 2016/2017 dan seterusnya.
- (3) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (2), pelajar program pengajian Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan bagi Sesi Kemasukan 2015/2016 dan ke bawah adalah tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan) 2017 dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan) 2019 mengikut mana-mana yang berkenaan seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.

2. Tafsiran

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“bukan warganegara” ertinya bukan warganegara Malaysia termasuk yang bertaraf pemastautin tetap;

“Bursar” ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan ;

“Dekan Fakulti” ertinya Dekan Fakulti Perubatan Universiti yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 24(4) Perlembagaan;

“Fakulti” ertinya Fakulti Perubatan Universiti yang ditubuhkan menurut peruntukan subseksyen 24(1) Perlembagaan;

“Guru” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaya dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, felo, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah dan guru bahasa;

“Ijazah” ertinya Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan;

“Jabatan” ertinya mana-mana Jabatan Pengajian Fakulti dan termasuklah mana-mana Bahagian dan Unit Pengajian Fakulti;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Fakulti untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan pelajar dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau Peraturan-Peraturan yang berkenaan;

“Kalendar Pengajian” ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu sesi akademik yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Ketua Jabatan” ertinya Ketua mana-mana Jabatan pengajian Fakulti termasuk Penyelaras Program di mana berkenaan;

”kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“klinikal” ertinya program latihan “hands on” yang melibatkan rawatan langsung pesakit oleh pelajar dengan penyeliaan staf akademik bagi komponen yang berkenaan dan tertakluk kepada syarat atau keperluan yang ditetapkan oleh setiap komponen;

“komponen” ertinya sebahagian daripada pengajian, latihan atau penilaian yang disediakan dalam satu tempoh tertentu, yang menyumbang gred kepada program pengajian Ijazah;

“kursus” ertinya satu unit pengajian atau latihan yang disediakan dalam satu tempoh tertentu, biasanya dalam satu sesi atau semester, yang menyumbang gred kepada program pengajian Ijazah;

“kursus teras” ertinya komponen dan latihan pengajian yang ditentukan oleh Fakulti sebagai komponen yang wajib diikuti oleh pelajar;

“kursus Universiti/kursus Umum” ertinya kursus yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam silibus Mata Pelajaran Umum (MPU) dan kursus umum yang ditetapkan oleh Universiti (jika ada) yang wajib diikuti oleh setiap pelajar;

“Naib Canselor” ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Perlembagaan Universiti Malaya;

“pelajar” ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani program pengajian Ijazah;

“Pemeriksa Dalam” ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti atau mana-mana individu yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus;

“Pendaftar” ertinya seorang pegawai Universiti yang dilantik di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

“Peperiksaan Peringkat” ertinya peperiksaan yang ditetapkan bagi Peringkat 1, Peringkat 2, Peringkat 3.1 dan Peringkat 3.2 untuk program pengajian Ijazah seperti yang diperuntukan di kaedah 19(2);

“Peperiksaan Profesional” ertinya peperiksaan yang ditetapkan bagi Peringkat 3.3 untuk program pengajian Ijazah seperti yang diperuntukkan di Kaedah 19(2);

“Penempatan Klinikal Ulangan” ertinya penempatan klinikal yang perlu diikuti semula oleh mana-mana pelajar yang gagal penempatan klinikal bagi peperiksaan Peringkat 3.1, Peringkat 3.2 atau Peringkat 3.3.

“Peperiksaan Tambahan” ertinya peperiksaan yang perlu diduduki semula oleh pelajar selepas gagal mana-mana Peperiksaan Peringkat dan/atau Peperiksaan Profesional. Bagi Peperiksaan ini, pelajar hanya dikehendaki untuk menduduki kertas atau komponen peperiksaan yang mana pelajar tersebut telah gagal sahaja;

“peringkat pengajian” ertinya tahap pengajian bagi program pengajian Ijazah yang terdiri daripada Peringkat 1, Peringkat 2, Peringkat 3.1, Peringkat 3.2 dan Peringkat 3.3;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U.(A)444/2010];

“program pengajian” ertinya sekumpulan kursus, komponen dan/atau latihan yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan untuk dianugerahkan Ijazah;

“Senat” ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 22 Perlembagaan;

“semester” ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti bagi sesuatu sesi akademik yang terdiri daripada Semester Biasa dan Semester Khas;

“Sesi Akademik” ertinya tempoh pengajian bagi program pengajian Ijazah yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Sesi Kemasukan” ertinya sesi bila mana seseorang pelajar diterima masuk ke program pengajian Ijazah;

“Timbalan Dekan Ijazah Dasar” ertinya Timbalan Dekan yang dilantik oleh Universiti dan bertanggungjawab bagi urusan program pengajian Ijazah.

“Timbalan Naib Canselor” ertinya seorang pegawai Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 12(6) Perlembagaan;

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

“Warganegara” ertinya warganegara Malaysia.

BAHAGIAN II **SYARAT PENERIMAAN MASUK**

3. Kemasukan Ke Program Pengajian Ijazah

- (1) Setiap pemohon yang ingin mengikuti program pengajian Ijazah hendaklah:
 - (a) memenuhi keperluan syarat am Universiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan syarat khas program pengajian Ijazah yang ditetapkan oleh Senat;
 - (b) mengesahkan penerimaan tawaran kemasukan;
 - (c) disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar, Klinik Kesihatan Pelajar Universiti mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit yang boleh mengganggu pengajian di Universiti; dan
 - (d) membayar yuran ditetapkan.
- (2) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pemohon adalah tertakluk kepada keputusan Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Fakulti bagi program pengajian Ijazah serta memenuhi subkaedah (1) di atas.
- (3) Kemasukan bagi program pengajian Ijazah adalah pada permulaan setiap Sesi Akademik.
- (4) Setiap tawaran kemasukan adalah untuk sesuatu Sesi Akademik yang ditetapkan.

4. Kemasukan Pelajar Program Mobiliti

- (1) Pelajar Program Mobiliti ialah pelajar daripada luar Universiti yang diluluskan untuk mengikuti latihan sangkutan atau praktikal tertentu di Fakulti atau mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh Fakulti, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah pelajar program pengajian Ijazah.
- (2) Kemasukan Pelajar Program Mobiliti hendaklah atas budibicara Dekan Fakulti.

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

5. Pendaftaran sebagai Pelajar Program Pengajian Ijazah

- (1) Sesiapa yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian Ijazah dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) dikenali sebagai pelajar Universiti dan nama pelajar tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga pelajar berjaya menamatkan program pengajian Ijazahnya dan Senat mengesahkan pelajar tersebut layak dianugerahkan Ijazah atau sehingga atas sebab tertentu pelajar tersebut hilang kelayakannya menjadi pelajar Universiti.
- (3) Setiap pelajar yang telah mendaftar untuk program pengajian Ijazah hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti dan sekiranya gagal berbuat demikian akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti.
- (4) Penangguhan pendaftaran program pengajian hanya boleh dipertimbangkan atas sebab perubahan atau apa-apa alasan lain yang diterima atas budi bicara Universiti. Tempoh penangguhan ini tidak akan diambilkira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan. Tawaran akan diluputkan sekiranya pelajar tidak juga mendaftar pada Sesi Akademik berikut yang berkenaan.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) di atas dan tertakluk kepada subkaedah (3), Senat boleh menggunakan budi bicaranya untuk menamatkan pendaftaran mana-mana pelajar pada bila-bila masa sekiranya Senat berpendapat pelajar tersebut tidak mampu meneruskan program pengajian Ijazahnya. Nama pelajar tersebut hendaklah digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti dan pelajar tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan subkaedah ini adalah muktamad.

6. Pendaftaran Kursus

Setiap pelajar dikehendaki mendaftar kursus dan/atau modul mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

7. Pendaftaran Serentak

Pelajar tidak dibenarkan mendaftar serentak lebih daripada satu program pengajian sama ada yang membawa kepada penganugerahan sesuatu diploma, ijazah pertama atau ijazah tinggi di Universiti, atau di institusi atau universiti lain.

8. Pertukaran Program Pengajian

- (1) Seseorang pelajar yang telah mendaftar program pengajian Ijazah tidak dibenarkan untuk membuat pertukaran program pengajiannya.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1), dalam keadaan-keadaan tertentu seseorang pelajar boleh memohon untuk dipertimbangkan pertukaran program pengajian tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN IV **BAYARAN**

9. Yuran dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti mana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan) 2019.

10. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain

Pihak Universiti mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada pelajar.

11. Tempoh Menjelaskan Yuran Pengajian dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah membayar semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

12. Kegagalan Menjelaskan Yuran Pengajian dan Bayaran Lain

Kegagalan seseorang pelajar menjelaskan semua yuran pengajian dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan pelajar berkenaan:

- (1) dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi Peperiksaan Peringkat dan/atau Peperiksaan Profesional yang berkenaan;
- (2) dihalang daripada mendaftar kursus dan/atau komponen pada sesi akademik berikutnya dan statusnya sebagai pelajar Universiti ditamatkan; dan/atau
- (3) dihalang daripada dikurniakan Ijazah.

BAHAGIAN V **TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH**

13. Tempoh Program Pengajian Ijazah

Pelajar hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajian Ijazahnya dalam tempoh yang ditetapkan.

14. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum Program Pengajian Ijazah

- (1) Tempoh minimum bagi program pengajian Ijazah ialah lima (5) tahun di mana pelajar dikehendaki menyempurnakan:
 - (a) Peringkat 1 dan Peringkat 2 dalam tempoh dua (2) tahun; dan
 - (b) Peringkat 3.1, Peringkat 3.2 dan Peringkat 3.3 dalam tempoh tiga (3) tahun.
- (2) Tempoh maksimum bagi program pengajian Ijazah ialah tujuh (7) tahun di mana pelajar dikehendaki menyempurnakan:
 - (a) Peringkat 1 dan Peringkat 2 dalam tempoh tiga (3) tahun; dan
 - (b) Peringkat 3.1, Peringkat 3.2 dan Peringkat 3.3 dalam tempoh empat (4) tahun.

15. Penggantungan Program Pengajian Pelajar

Tempoh penggantungan pengajian pelajar yang dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar)1999 tidak boleh diambil kira dalam tempoh maksimum program pengajian.

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH

16. Struktur Program Pengajian Ijazah

- (1) Program pengajian Ijazah merupakan program pengajian selama tempoh lima tahun yang dibahagikan kepada Peringkat 1, Peringkat 2, Peringkat 3.1, Peringkat 3.2 dan Peringkat 3.3 yang terdiri daripada 4 tema berikut:
 - (a) *Basic and Clinical Sciences (BCS)*
 - (b) *Patient – Doctor (Pt-Dr)*
 - (c) *Population Medicine (PopMed)*
 - (d) *Personal and Professional Development (PPD)*
- (2) Pelajar dikehendaki mengikuti dan memenuhi keperluan program pengajian Ijazah sepertimana yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.
- (3) Walau apapun yang diperuntukan dalam subkaedah (2) di atas, Senat boleh atas perakuan Fakulti:
 - (a) menerima masuk terus seseorang pelajar ke mana-mana peringkat program pengajian Ijazah dan dikecualikan daripada mana-mana kursus atau komponen bagi tahun pengajian berkenaan; dan/atau
 - (b) mengecualikan seseorang pelajar dari kehadiran dan menduduki peperiksaan dalam mana-mana kursus atau komponen untuk Peperiksaan Profesional berkenaan berdasarkan merit setiap kes.

17. Komponen Program Pengajian Ijazah

Program pengajian Ijazah hendaklah mengandungi dua komponen iaitu Kursus Universiti/Kursus Umum dan Kursus Teras.

BAHAGIAN VII
SISTEM MENTOR-MENTEE

18. Fungsi *Mentor*

- (1) Dekan Fakulti hendaklah memastikan *Mentor* dilantik dalam kalangan guru.
- (2) *Mentor* bertanggungjawab bagi memberikan bimbingan kepada pelajar berdasarkan kepada kemajuan pelajar mengikut jadual seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.
- (3) Dekan Fakulti bertanggungjawab untuk menentukan kaedah pelaksanaan sistem *Mentor-Mentee* di Fakulti.

BAHAGIAN VIII **KAEDAH PENILAIAN**

19. Penilaian

- (1) Penilaian bagi program pengajian Ijazah boleh dibuat secara ujian bertulis, ujian lisan, penilaian praktikal, penilaian klinikal, tugas kursus, penilaian kekompetenan, peperiksaan akhir serta kaedah penilaian lain yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti.
- (2) Bagi maksud subkaedah 19(1) di atas, Kursus Teras program pengajian Ijazah hendaklah dinilai melalui peperiksaan seperti berikut:
 - (a) Peperiksaan Peringkat 1;
 - (b) Peperiksaan Peringkat 2;
 - (c) Peperiksaan Peringkat 3.1;
 - (d) Peperiksaan Peringkat 3.2; dan
 - (e) Peperiksaan Profesional Peringkat 3.3
- (3) Dalam keadaan tertentu, mengikut Kaedah 16(3), Senat atas perakuan Fakulti boleh mengecualikan seseorang pelajar daripada menduduki mana-mana Peperiksaan Profesional.

20. Jawatankuasa Pemeriksa

Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan hendaklah diadakan bagi setiap peperiksaan yang dinyatakan di Kaedah 19(2) di atas.

BAHAGIAN IX **PENGIJAZAHAN**

21. Syarat Pengijazahan

- (1) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan boleh dikurniakan kepada seseorang pelajar yang telah -
 - (a) memenuhi segala keperluan Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
 - (b) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan diluluskan oleh Senat; dan
 - (c) memenuhi keperluan lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- (2) Universiti berhak menahan penganugerahan Ijazah sekiranya pelajar gagal menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.

- (3) Walau apapun keputusan berhubung dengan pengijazahan seseorang pelajar, Universiti berhak untuk melucut penganugerahan Ijazah seseorang pelajar jika Universiti berpuashati bahawa pelajar tersebut telah terbukti melakukan:
- (a) pemalsuan maklumat bagi memenuhi keperluan pengijazahan; atau
 - (b) melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik yang pada pandangan Universiti tidak layak dianugerahkan Ijazahnya.

BAHAGIAN X **AM**

22. Penamatan Status Akademik Pelajar

Senat berhak menamatkan status akademik seseorang pelajar yang didapati telah memberikan maklumat palsu atau tidak benar berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjejaskan imej Universiti.

23. Kuasa Senat Membuat Peraturan

Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

24. Pengecualian Pemakaian

Walaupun yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat berhak mengecualikan pemakaian Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

25. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti

Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

26. Pembatalan

Tertakluk kepada peruntukan subkaedah 1(3) Kaedah-Kaedah ini, Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan) 2017 akan terus berkuatkuasa sehingga semua pelajar yang tertakluk di bawahnya menamatkan program pengajian Ijazah masing-masing.

Dibuat pada 8 Januari 2020

YM Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman
Shariffadeen Tengku Ibrahim
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaya